

Agong dukacita, bimbang kakitangan kesihatan dijangkiti Covid-19

Malaysiakini

23 Mac 2020

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menzahirkan rasa sedih berikutan kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan petugas fasiliti kesihatan swasta dijangkiti Covid-19.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Ahmad Fadil Shamsuddin berkata Al-Sultan Abdullah sangat bimbang dengan perkembangan tersebut memandangkan mereka merupakan petugas barisan hadapan yang mengorbankan masa serta bertungkus lumus melaksanakan tanggungjawab untuk membendung pandemik itu.

“Sehingga 21 Mac lepas, KKM mengesahkan 19 kakitangannya dan lima petugas fasiliti kesihatan swasta telah dijangkiti Covid-19 manakala sehingga tengah hari 23 Mac pula, sebanyak 212 kes baharu dilaporkan menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di negara ini naik kepada 1,518 kes.

“Dua daripada 19 kakitangan KKM tersebut sedang dirawat di unit rawatan rapi

(ICU) dan hasil siasatan yang dijalankan mendapati kesemua mereka merupakan kontak rapat generasi pertama dan kedua melibatkan kluster jemaah tabligh,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Sehingga 22 Mac, seramai 460 kakitangan KKM yang menjalani ujian saringan pengesanan Covid-19 didapati negatif dan baki 190 lagi masih menunggu keputusan.

Setakat tengah hari ini, KKM mengesahkan 14 kematian akibat Covid-19 di Malaysia, yang turut melibatkan seorang doktor KKM, berusia 48 tahun di Perlis.

Ahmad Fadil berkata sehubungan itu, Seri Paduka menitahkan rakyat supaya bersikap jujur kepada petugas KKM mengenai sejarah perjalanan dan kontak mereka bagi membantu pengesanan kontak dan mengadakan tindakan lanjut termasuk rawatan untuk membendung penularan wabak yang boleh meragut nyawa itu.

“Al-Sultan Abdullah turut menitahkan rakyat dengan kadar segera pergi ke pusat kesihatan KKM terdekat jika mempunyai gejala Covid-19 dan ada kontak dengan kes-kes positif wabak ini. Rakyat khususnya mereka yang mempunyai simptom digesa supaya tidak mengambil sikap mudah dan sambil lewa dalam isu ini.

“Seri Paduka bertitah adalah amat penting untuk kita bersikap jujur ketika saringan kerana maklumat yang tepat ini penting kepada KKM. Ini juga dapat mengelakkan petugas-petugas barisan hadapan KKM tidak dijangkiti,” katanya.

Ahmad Fadil berkata Seri Paduka juga menzahirkan setinggi penghargaan kepada semua petugas KKM dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan serta petugas fasiliti kesihatan swasta khususnya di barisan hadapan yang telah mengorbankan masa dalam melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan semangat tinggi.

“Seri Paduka menyanjung tinggi komitmen yang telah diberikan oleh kesemua petugas kerajaan dan menzahirkan harapan agar mereka terus tabah dalam melaksanakan tanggungjawab demi keselamatan rakyat dan negara yang kita cintai bersama ini,” katanya.

Al-Sultan Abdullah mengulangi titah agar rakyat terus memainkan peranan dengan mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan dan saranan serta panduan daripada KKM bagi memastikan pandemik ini dapat dibendung dan diakhiri secara berkesan dengan segera.

Seri Paduka turut menzahirkan ucapan takziah kepada ahli keluarga mangsa yang telah meninggal dunia akibat jangkitan Covid-19 dan berharap rakyat

Malaysia terus bersama-sama berdoa supaya usaha membendung pandemik itu dirahmati, diberkati dan dapat ditangani dengan segera.

-Bernama

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malysiakini.com/news/516358>